

Aku Bidadari Untuknya?
Hajar Asyikin binti Mohd Fadzli
1200136
Universiti Sains Islam Malaysia

Aku meraup muka, mengaminkan doa sekaligus mengesat titisan air mata yang berjuraian di pipi. Sunat Dhuha masih intim lagi dalam diari hidupku. Seperti hari-hari yang sudah, tetap sama rutinku, sebagai penguat diri untuk menghadapi hari-hari yang penuh dengan pelbagai rencah kehidupan yang tidak dapat diduga. Permulaan yang terbaik untuk meneladani tugas sebagai suri rumah sepenuh masa, yang dijawab sebaik menerima mas kahwin. Namun, hari ini diari hidupku sesak seketika digugah peristiwa semalam.

“Mampukah Aisya Sofia memegang payung emas yang menjadi impian wanita solehah di akhirat kelak?” soal suamiku, Asyraf Husaini .

Aku tertunduk bisu. Membiarkan persoalan yang menerjah pendengaranku itu dibawa pawana elektronik. Sementara akal warasku berusaha keras mencerna bicara selanjutnya.

“Andai dia telah tertakdir untuk menjadi pendamping kedua sayap kiri perjuangan abang, Aisya reda berkongsi kasih.” Begitu lirik aku meluahkan rasa hati yang terpendam.

Biarpun resah bertamu di kolam hatiku, gelodak perasaan tiada yang mampu mentafsirnya. Ingatanku tertuju pada kata-kata sang suami. “Cukuplah hanya seorang permata di hati ini. Dialah bidadari paling cantik, paling mahal. Antara hadiah terbaik yang dikirimkan Allah,” itulah bicara sang suami tatkala isu poligami dibualbicarakan. Senyumku kian manis. Syukurku bertambah syahdu. Manisnya terasa saat berdamping dengan suami dalam limpahan cinta beserta nur kasih seorang suami melayani diriku bak bidadari. Tidak pernah mengangkat suara apabila aku tersalah catur hala kehidupan. Ditegur secara berhikmah, tapi ketegasan tetap intipatinya. Jauh sekali bermasam muka tatkala mulut muraiku berleter dek kerana keletihan melayani kerenah cahaya matakku yang seorang ini. Puteriku, Dhia Aneesa sudah petah bertanya itu ini, genap tiga tahun akhir bulan ini.

Pertemuan empat mata dengan siswi jurusan Syariah di bawah teriknya sinar sang suria. Manis, sopan lagi beradab. Sesuai dan menepati dengan jurusan yang ditelaahnya. Siti Hawa Hazwani. Nama yang indah sepadan dengan si pemilik nama. Satu demi satu cuba dihadamku. Cuba dan terus mencuba walaupun pahit melebihi hempedu yang dihidangkan. Gadis itu menawarkan diri sebagai calon maduku!

“Maafkan saya kakak. Saya telah jatuh hati dengan Encik Asyraf Husaini. Saya telah cuba sedaya upaya merawat hati yang kian nazak dengan bisikan syaitan. Setiap kali saya terpendang dia, seolah-olah saya lupa dunia sekeliling. Hilang arah hidup. Wajahnya menghiasi mimpi-mimpi malam saya. Namanya sentiasa berteman. Biarpun dalam diam. Saya terlalu memujanya, mengasihinya. Lantaran takut hilang pedoman saya menggagahkan diri. Izinkan saya melamar suami kakak.”

Gadis berusia 23 tahun itu sudah menoktahkan bicara. Aku terkesima. Nurani seorang isteri tersentak. Aku wanita yang ingin digelar solehah. Para srikandi islam menjadi teladan buatku. Bermahkotakan permata kesabaran dan kesetiaan Siti Khadijah. Namun, sedikit

sebanyak aku juga mewarisi mutiara cemburu tanda sayang tinggalan Siti Aisyah. Dalam diam aku mencongak-congak. Wajarkah ketulusan cinta Asyraf Husaini dicucuk jarum kesangsian? Harus bagaimana aku mahu menangani lamaran ini? Dalam kesamaran hala hidup, aku tidak terus teraba-raba. Lewat sepertiga malam, aku masih sujud menagih sedikit belas kasih sayang tuhan yang maha penyayang. “Ya Tuhan Rabbul Izzati, bantulah hambamu ini. Berikanlah aku petunjuk-Mu dan kekuatan dalam menghadapi ujian kerana aku insan yang lemah.” Lirih aku menadah doa. Titisan air mata bukan tanda aku menangisi kesukaran yang menimpa tetapi tanda aku menginsafi kekurangan diri.

Aku terasing di depan Kaabah. Keseorangan. Hanya bintang malam yang menemani. Tiba-tiba, deretan gadis-gadis cantik bergerak menuju ke arah aku. Maha suci Allah, mereka teramatlah cantik. Aku terasa kagum. Di hadapanku, mereka membuka ruang. Sosok laki-laki lengkap berjubah putih tampil di hadapanku. Silau mataku memandangnya. Hanya susuk tubuhnya yang mampu aku lihat. Tampan, bersih wajahnya. Serasa aku amat mengenali sosok laki-laki itu. Abang Asyraf Husaini. Seorang gadis yang kukira paling cantik memaut lengan abang Asyraf Husaini. Inikah Hurun Ain? Aku terasa kerdil sekali. Tanpa semena-mena, air mataku menitis. Terasa sayu sekali. Aku tersentak. Membuka mata. Mengesat air mata yang berjuraian. Ya Allah, engkau kirimkan mimpi indah itu. Pasti ada hikmahnya.

Pagi itu aku terasa sedikit segar. Terasa ada kekuatan untuk mendepani hari-hari yang mendatang.

“Aduhai sedapnya bau. Isteri abang memang pandai memikat selera abang,” suamiku memuji masakanku.” Aku hanya tersenyum.

Selesai menjamu selera, aku membuka bicara yang sekian lamaku atur rapi di benakku. “Abang, menikahlah...” kali ini aku tidak lagi lirih, tapi serasa ada kekuatan yang menyerap. Asyraf Husaini memandang tepat ke wajahku. Aku menunggu balasannya.

“Terima kasih” itu sahaja jawabannya. Dia senyum lantas bangun berlalu pergi.

Cintaku pada manusia tidak akan kekal abadi. Suami adalah mutiara yang dipinjamkan oleh penciptanya untuk aku jaga, untuk aku gilap supaya ia akan membantu aku meneruskan perjuangan sebagai khalifah-Nya di muka bumi ini. Justeru, aku merasakan berkongsi kasih adalah sebahagian daripada resam pernikahan yang harus aku terima dengan tangan yang terbuka walaupun tidak dapat aku nafikan hatiku sedikit terluka. Biarlah pedih seketika, moga kedinginan abadi aku raih semasa di akhirat kelak. “Mengapa mengharamkan sesuatu yang dihalalkan Allah? Bukankah poligami itu sesuatu yang dihalalkan Islam. Malah ada hak yang perlu dilunaskan oleh muslim terhadap muslim yang lain. Poligami itu hanya diluluskan dengan lesen penuh hanya jika memenuhi kriteria yang diwajibkan. Orang perempuan kena fikir semula. Tangani poligami dengan dengan bijak dan bukannya dengan tuntutan talak yang akan mengakibatkan masalah lain pula. Tunjukkan pada suami bahawa kita adalah muslimah yang kental. Lembut tapi tegas. Itu adalah sifat seorang muslimah solehah.” Bicara seorang ustazah lewat sesi ceramah di masjid minggu lepas masih lagi terngiang-ngiang di halwa pendengaranku.

Petang itu, teratak indahku didatangi tetamu yang harus aku sambut dengan pelbagai rasa. Entah bagaimana untuk aku gambarkan perasaanku tika ini. Hendak marah, itu bukan diriku. Hendak mengamuk, itu pasti datangnya daripada syaitan laknatullah. Harus bagaimana aku? Aku terkesima. Gadis muda itu selayaknya dikenalkan sebagai calon maduku. Terpacak di hadapan pintu rumahku. Bergandingan dengan suamiku. Debar di hati hanya Allah yang tahu.

“Izinkan dia bersama-sama di dalam rumah ini untuk belajar sesuatu yang berharga.” Itu kata-kata terakhir suamiku, Asyraf Husaini sebelum dia menghadiri kursus selama seminggu di Terengganu. Meninggalkan calon madu bersama aku, isterinya. Kuyakinkan diri. Insyallah suamiku masih waras. Seminggu berlalu dengan rasa yang pelbagai. Aku melayan calon maduku itu dengan sebaik mungkin. Kerana dia adalah amanah. Lambat-laun dia juga akan menjadi sebahagian daripada keluargaku. Puteriku juga semakin rapat dengannya. Cemburu? Sudahku buang jauh-jauh. Aku menerimanya dengan tangan yang terbuka. Dengan ketetapan hati bahawa ia adalah yang terbaik untukku.

Beberapa minggu kemudian, sedang aku menekuni rancangan TV kegemaranku, Asyraf Husaini datang memelukku. Dia memberikan sekeping sampul berwarna ungu. Menggeletar tanganku saat menerimanya. Ya Allah, kuatkanlah hati hambamu ini dalam menempuh mehnah duniawi. “Walimahnya 25 Julai ini”-ujarnya sambil berlalu menuju ke bilik air. Ya Allah, hari ulang tahun perkahwinan kami! Hampir aku tergamam. Namun, aku harus memaniskan wajahku.

Malam tadi, Asyraf Husaini mengemas pakaiannya. Esok, dia akan memulakan langkah baru. Begitu juga aku. Memegang status sebagai wanita bermadu. Aku memandang dan terus memandangnya. Harus bagaimana perasaanku? Bercampur baur. Cepat-cepat aku istighfar. Suami yang kucintai itu tersenyum. Aduh, aku terpesona. Mana mungkin wanita lain tidak terjatuh hati padanya. Sedangkan aku yang sudah bertahun-tahun di sisinya masih lagi terpesona dengan keindahan ciptaan Tuhan ini apatah lagi wanita lain yang masih mencuba untuk mengintai ruang di hatinya. Usai mengemas pakaian, kami solat berjemaah. Kucupan lembut daripadanya di dahi ini masih segar. Sesegar beberapa tahun yang lepas. Dia meraih tanganku, mencium dengan sopan sekali. Malam itu, aku tidur berbantalkan lengannya yang sasa. Terasa nyaman dan tenang dalam pelukannya. Malam esok, lengan malah tubuh serta hatinya harus aku kongsi dengan wanita lain. Jujur aku belum bersedia.

Pagi yang dijanjikan. Selesai solat berjemaah, suamiku berwirid dan berdoa. Agak panjang doanya pagi ini. “Ya Allah, Tuhan yang maha pengasih. Panjangkanlah jodoh hambamu ini dengan Aisyah Sofia binti Muhammad. Jadikanlah dia seorang isteri yang solehah dalam mentaati-Mu, yang memiliki budi pekerti yang mulia dalam menjalankan kewajipan sebagai isteri kepada hamba-Mu ini. Kurniakan dia ketenangan hati. Anugerahkan dia cahaya iman agar hidupnya bertambah bahagia. Ya Allah, Tuhan yang kaya dengan kasih sayang. Hamba-Mu ini memaafkan dosa-dosa isteri hamba-Mu ini sejak hari pernikahan kami hingga ke sampai satu waktu yang hanya Allah mengetahuinya. Sesungguhnya, dia adalah sebaik-baik wanita yang telah dihadiahkan oleh-Mu, Ya Allah. Hamba -Mu ini bersyukur atas segalanya, Ya Allah.” Khusyuk. Sayu. Sebak dadaku mendengarnya.

“Sayang, ini hadiah ulang tahun perkahwinan kita.”

Di tangannya ada hadiah berbalut kemas dan cantik. Isinya adalah sehelai jubah ungu lembut bersulam bunga-bunga kecil. Cantik.

“Pakailah. Ikut abang ke masjid.” ujanya lalu bangun menuju ke bilik air. Aku terduduk. perlukah aku bersama-sama menghadiri majlis pernikahan itu? Andai aku tiada di sana, pernikahan tersebut pasti akan berlangsung juga. Antara sedar atau tidak, aku kini berada di masjid nan indah ini. Dingin. Mendamaikan. Kehadiran para tetamu memeriahkan suasana. Kedua mempelai sudah mengambil tempatnya begitu juga tok kadi. Peluh dingin merecik halus. Dadaku berdebar. Ijab bersaksi, qabul direstui. Majlis pernikahan yang berlangsung tiada halangan. Segalanya dipermudahkan. Kedua-dua pengantin itu menghampiriku. Aku terasa suatu perasaan yang amat lapang. Lantasku angkat wajahku. Pengantin muslimah itu bersalam hormat denganku. Lalu aku dicium dan dipeluknya. Lama pelukan kami. Seperti saling memberi semangat dan harapan.

“Terima kasih, kakak. Bantulah saya untuk menjadi isteri solehah yang membahagiakan suami saya.” ujar Siti Hawa Hazwani sambil menyeka air matanya.

“Ya, bantulah isteri saya menjadi isteri yang tahu menghargai betapa bernilainya sebuah perkahwinan. Sungguh kamu wanita solehah yang dicemburui bidadari syurga. Dan isteri solehah yang dicintai suamimu selamanya.”

Leka aku mendengar perkataan “solehah” daripada sepasang pengantin baru itu.

Aku mendongak. Sungguh. Aku terkejut.

Lelaki itu adalah Naufal Hakime, sahabat akrab suamiku. Dia yang segar bergaya berbusana muslim. Seri seorang pengantin terpancar di wajahnya. Di sebelahnya adalah lelaki yang aku cintai. Tersenyum. Pesan suamiku kepada merpati sejoli itu,

“Jagalah hati isteri, jangan disakiti kerana ia amanah Ilahi. Bila bahagia membuatkan diri menjadi suci, isteri seorang terasa cukup di hati. Tidak perlu menikah lagi. Belajarlah membahagiakan satu isterimu.”

Harus bagaimana wajahku ketika itu? Mahu tersenyum, terasa sebu di wajah menahan malu.

Ketika sesi bergambar, suamiku membisikkan sesuatu.

“Bidadari di sana pasti cemburu kerana bidadari di sisi abang adalah yang terpilih oleh Ilahi.”

Sungguh bidadari itu untuknya. Bidadari untuk suami yang membahagiakan satu isterinya.